

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bersedia atau tidak untuk mengharamkan penebangan balak di negara ini; dan
- (b) daripada kawasan yang dilulus terbang, berapakah luasnya kawasan yang diganti dengan penanaman pokok kayu balak atau getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan aktiviti penebangan balak atau pengusahaan hutan di negara ini memandangkan ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Pada ketika ini, industri pembalakan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pembangunan sosio ekonomi negara. Bagi memastikan sumber hutan terpelihara serta memastikan industri pembalakan dapat dibangunkan secara mapan tanpa menjejaskan alam sekitar, Malaysia mengamalkan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) bagi kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

(b) Kawasan yang diusahailah di bawah PHSB tidak ditanam atau diganti dengan pokok getah tetapi ditanam dengan pokok-pokok hutan dari spesies tempatan (indigenous species) seperti kumpulan meranti dan merawan di kawasan-kawasan yang terbuka seperti bekas matau, kongsi dan lorong penarik.

Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan kawasan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) untuk tujuan pengusahaan atau pembalakan adalah dengan berpandukan kadar Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan setiap tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun dan dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara. Penetapan kadar CTT ini merupakan salah satu kriteria utama dalam amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) serta pematuhan kepada Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pensijilan Pengurusan Hutan MC & I (Hutan Asli).

Kawasan ladang hutan ditubuhkan untuk menampung keperluan bekalan kayu balak bagi industri berasas kayu dan sekaligus mengurangkan kebergantungan bekalan kayu balak daripada hutan asli. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Majlis Tanah Negara ke-68 tahun 2012, telah menyediakan cadangan zon pembangunan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan menetapkan penubuhan kawasan ladang hutan hendaklah tidak melebihi 5% daripada jumlah keluasan hutan asli dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang dikategorikan sebagai Hutan Pengeluaran. Bagi tujuan ini seluas 439,189 hektar HSK telah dikenalpasti untuk dizonkan sebagai zon pembangunan ladang hutan dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Sehingga tahun 2013, seluas 97,796 hektar kawasan telah ditanam dengan pelbagai spesies

balak di mana sebanyak 40,372 hektar adalah daripada spesies getah [*Timber Latex Clone (TLC)*].

Kerajaan Negeri Sarawak telah mensasarkan penubuhan 1 juta hektar kawasan sebagai ladang hutan. Sebagai usaha untuk mengurangkan tekanan terhadap sumber kayu dari hutan asli, Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak 43 lesen ladang hutan (Licence for Planted Forests) di Sarawak. Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah 325,314 hektar kawasan lesen ladang hutan (LPF) di Sarawak telah ditanam dengan pelbagai spesies ladang hutan merangkumi spesies Acacia (227,635 hektar), Batai (42,547 hektar), Eucalyptus spp. (24,447) , Kelampayan (20,421 hektar) dan lain-lain spesies (10,264 hektar).

Bagi Negeri Sabah luas kawasan Hutan Simpan yang telah ditanam setakat 31.12.2013 ialah 166,573 hektar. Daripada jumlah ini, 135,826 hektar adalah tanaman pokok kayu balak, manakala 30,747 hektar adalah tanaman pokok getah.